



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LARGE-SCALE PADDY CULTIVATION INITIATIVE TO BOOST RICE PRODUCTION AND FARMER'S INCOMES, BUSINESS TODAY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	AIVAC LKIM IS TARGETTING MORE THAN 100,000 FISHERMEN TO BE VACCINATED, BERITA RTM -TV1	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	LEBIH 100,000 NELAYAN DIVAKSIN MENJELANG NOVEMBER, VAKSIN UNTUK RAKYAT, SH -4	
4.	RAMBUTAN SEKILO 40 SEN, LOKAL, HM -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	BEKAS PEGAWAI BANK 'BUAT DUIT' TANAM CENDAWAN TIRAM, LOKAL, HM -18	LAIN-LAIN
6.	JENAMA SEMULA DURIAN KAMPUNG, DALAM NEGERI, UM -26	
7.	MUSIM DURIAN PALING SUKAR DI PERAK, DALAM NEGERI, UM -26	
8.	NELAYAN DI 6 LOKALITI PULAU PANGKOR TIDAK DIBENAR KE LAUT, NEGERI PERAK/P,PINANG, SH -29	
9.	2,000 PEKEBUN RUGI RM2.5 JUTA HARGA MERUNDUM, NASIONAL, BH -25	
10.	JENAMA SEMULA DURIAN, NEGARA, KOSMO -12	
11.	DURIAN KAMPUNG SETARAF MUSANG KING TEMBUSI PASARAN DUNIA, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL/TERENGGANU, SH -26	
12.	HOPING FOR BETTER DAYS, NATION, THE STAR -7	
13.	BIOTECHNOLOGY AIDS PALM OIL, LETTERS, NST -16	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

Large-Scale Paddy Cultivation Initiative to Boost Rice Production And Farmers' Incomes



The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) plans to boost Self Sufficient Levels (SSL) of our national rice production to 75% within the 12th Malaysia Plan period.

It is developing 140 hectares of paddy-field land in the IADA Seberang Perak's area via the Large-Scale Smart Paddy Cultivation (SMART SBB) initiative.

The initiative unites paddy-fields through contractual or rental agriculture via a management system which optimises available resources for increased farming effectiveness and post-harvest production.

It is expected to increase rice farmers' income by 47%, or RM2,521 per hectare per season compared to previously practiced methods.

The aim of the program is to raise the average yield per national hectare from the average current production of 3.5 metric tonnes in 2019 to 7.0 metric tonnes under the 12th Malaysian Plan.

Minister of Agriculture and Food Industries, Ronald Kiandee commented that the programme would not add to government expenditure as the cost mostly will be borne by leading corporations. He added that by using technology like the Internet of Things (IoT) and economies of scale will uplift production per hectare.

Kiandee said, "We are exploring drone capability for effective monitoring and spraying of fertilizers and other chemicals to reduce costs yet increase rice farming productivity. It will also raise farmers' incomes by mitigating middleman involvement throughout the supply chain."

MAFI ensures that the national supply for domestic rice stocks is sufficient throughout this period.



By implementing this programme the Ministry paves the way for leading companies to give industry players the opportunity to develop higher efficiency. It also has the potential to change the industry landscape to guarantee a secure and consistent national food supply.

Currently, eleven committed and experienced corporations possessing strong industry-relevant networks, structure, and know-how in the field are taking part to implement the programme, as private sector involvement is crucial to develop competitive advantage at all levels of the value chain.

One such participant is FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. , which focuses on planting fragrant paddy MRQ76 produced by MARDI in collaboration with the Integrated Agricultural Development Area Seberang Perak (IADA Seberang Perak) and Felcra Plantation Services Sdn Bhd. The returns are as high as RM1,540 per metric tonnes compared to white paddy, sold at RM1,200 per metric tonnes.

During the visit, on a separate initiative, MAFI also looked into a pilot project with a private company on integrating paddy cultivation with tiger prawn farming. Kiandee also states that farmers' returns for the joint cultivation were estimated at more than RM10,000 per hectare compared to paddy production of only RM5,000 in the same area. The success of the project is now to be implemented in IADA Pekan and IADA Rompin, Pahang.

To support paddy cultivation in the country, the Government allocated RM1.57 billion in the 2021 Budget to support the industry including with the Legal Paddy Seed Incentive, Federal Government Paddy Fertilizer Scheme, Paddy Production Incentive Scheme, Fertilizer Scheme, Racun Padi Bukit and Paddy Price Subsidy Scheme.

MAFI will oversee and ensure that these initiatives are well implemented and will also look into the paddy production activities and operations during the implementation phases of the National Recovery Plan. This is to monitor the national supply for domestic rice stocks is sufficient throughout this period.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	BERITA RTM	TV1	

(LKIM MAFI) AIVAC LKIM IS TARGETTING MORE THAN 100,000 FISHERMEN TO BE VACCINATED



10/8/2021

SINAR
HARIANVAKSIN UNTUK
RAKYAT

4

Lebih 100,000 nelayan divaksin menjelang November

TAIPING - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menjangkakan lebih 100,000 nelayan berdaftar dengan agensi tersebut akan menerima vaksin menjelang November depan.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, keyakinan itu disuarakan susulan pengumuman dibuat Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bahawa petugas barisan hadapan agromakanan akan divaksin bermula 1 September.

Menurutnya, bukan sahaja nelayan tempatan malah nelayan warga asing

juga akan menerima vaksin berkenaan.

“Kita menjangkakan menjelang November nelayan-nelayan semua akan mendapat vaksin.


“Nelayan yang berdaftar dengan kita ada lebih 100,000 lebih tetapi setakat ini kita tak ada jumlah mereka yang telah menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

“Jika pemberian vaksin ini dibuat secara berpusat melalui agensi kita akan dapat jumlah lebih tepat,” katanya kepada pemberita selepas Program Penyerahan Kotak Makanan MAFI di Kampung Menteri, Kuala Sepetang di sini pada Isnin.



Syed Abu Hussin Hafiz (kanan) menyerahkan bakul makanan pada Program Penyerahan Kotak Makanan MAFI di Kampung Menteri, Kuala Sepetang, Taiping pada Isnin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18



ZULKIFLI menunjukkan lambakan rambutan di Tanah Merah dan Jeli pada program sumbangan durian di Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Rambutan sekilo 40 sen

Harga jatuh teruk ekoran lambakan buah tempatan sehingga pekebun 'malas' memetik



LAMBAKAN buah menyebabkan harga jatuh merudum ekoran musim sangat menjadi.

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Seramai 2,000 pekebun di Tanah Merah dan Jeli berdepan kerugian dianggarkan RM2.5 juta berikutan berlakunya lambakan buah rambutan.

Malah, harga rambutan juga jatuh mendadak kepada hanya 40 sen sekilogram daripada RM3 untuk harga borong pada awal musim sebelum lalu.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lanas Jedok, Tanah Merah, Zulkifli Yumus berkata, tanaman itu membabitkan

1,000 hektar.

Katanya, pekebun juga berasa tidak berbaloi untuk mengutip rambutan di kebun kerana perlu menampung pelbagai kos termasuk upah pekerja dan sewa pengangkutan.

"Pelbagai kos yang perlu ditanggung sedangkan harga jual borong hanya 40 sen sekilogram. Jadi, ia tidak menguntungkan.

"Harga jatuh kerana musim ini, rambutan sangat menjadi dan buah terlalu banyak," katanya pada program sumbangan durian di sini, kelmarin.

Beliau berkata, disebabkan lambakan banyak buah yang rosak kerana buah-buahan itu tidak boleh

disimpan lama.

Menurutnya, pada masa sama, berlaku juga lambakan manggis yang kini hanya dijual pada harga 30 sen sekilogram untuk perbongron.

"Saya memohon pihak berwajib membantu pekebun yang terjejas dengan mengambil pelbagai langkah yang proaktif bagi membantu mengatasi lambakan rambutan dan manggis ini di Tanah Merah dan Jeli.

"Pihak berkaitan boleh membantu pekebun bukan sahaja dari segi pemasaran, tetapi juga dapat memproses rambutan dan manggis untuk dijadikan jem serta jus menerusi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi mengatasi lambakan buah berkenaan.

"Kami tidak ada kemampuan dari segi kewangan untuk membantu membeli hasil tanaman daripada pekebun terbahit, tetapi kita berusaha menyuarkan masalah berkenaan untuk diambil perhatian oleh pihak berwajib bagi mencari jalan penyelesaian terbaik," katanya.

Zulkifli berharap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) atau pihak berkaitan memikirkan perubahan baharu bagi mengatasi masalah lambakan buah tempatan.

Bekas pegawai bank 'buat duit' tanam cendawan tiram

Kuala Krai: Berbakti kepada tanah pasti mendapat ganjaran. Itu ungkapan sesuai bagi seorang bekas pegawai bank apabila usahanya mencuburi tanaman cendawan tiram dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu, kini memberi pulangan lumayan.

Mahadi Mohd Jusoh, 51, berkata, beliau sebelum ini bekerja sebagai pegawai bank mengambil keputusan berhenti kerja sekitar 2016 demi menguruskan ibunya, Zaharah Ahmad, 70, yang sudah uzur selepas kematian bapanya, Mohd Jusoh Mat, 81, pada tahun sama.

Katanya, enggan berpeluk tubuh ketika itu selepas hilang punca pendapatan beliau mengambil inisiatif un-

tuk membuka sebuah kedai runcit berdekatan rumahnya di Kampung Baru Pahi di sini, untuk menjana pendapatan sambil menguruskan ibunya.

"Pada awal permulaan pembukaan kedai runcit iaitu pada 2016 jualan di kedai runcit milik saya amat memberangsangkan, bagaimanapun bermula PKP tahun lalu perniagaan saya mula merosot menyebabkan saya terpaksa memikirkan inisiatif lain demi kelangsungan hidup saya sekeluarga.

"Ketika buntu memikirkan idea untuk memperoleh pendapatan lain, ada seorang rakan yang mencadangkan saya membuat tanaman cendawan tiram sebagai 'duit poket' dan dari



MAHADI memeriksa cendawan tiram yang diusahakannya.

situ bermula cubaan sekadar suka-suka terhadap tanaman ini," katanya di rumah cendawan miliknya di Kampung Baru Pahi di sini, se-

malam.

Bercerita lanjut, bapa kepada empat orang anak itu berkata, selepas dua bulan negara dikenakan PKP iaitu

pada Mei tahun lalu, beliau mula berjinak-jinak dalam tanaman cendawan.

Katanya, pada awalnya beliau mencabar diri dengan

membeli sekitar 100 bongkah benih cendawan dengan seorang pembekal selain turut menyediakan rak bagi meletakkan bongkah cendawan dengan berbekalkan modal RM2,000.

"Alhamdulillah, percubaan pertama saya membuahkan hasil apabila saya berjaya meraih sekitar 30 kilogram cendawan tiram sebelum diagihkan kepada jiran terdekat secara percuma bagi permulaan.

"Sejak itu saya mula menambah tanaman bongkah cendawan yang diusahakan dari semasa ke semasa dan sehingga kini ia mencecah 5,000 bongkah," katanya yang turut bercadang menambah 5,000 bongkah lagi sebelum berakhir tahun ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

Jenama semula durian kampung

HULU TERENGGANU: Kerajaan negeri akan menjenamakan durian-durian kampung tempatan yang berkualiti dalam usaha mengkomersialkan raja buah itu ke peringkat lebih tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, langkah itu sekali gus bakal membolehkan durian kampung tempatan dijual pada harga lebih lumayan setanding dengan kualitinya.

Katanya, Terengganu mempunyai banyak durian kampung berkualiti tinggi, namun, tidak dikenali ramai hingga menyebabkan taraf buah berkenaan sekadar juara kampung.

"Buah yang sepatutnya bernilai RM20 sekilogram berdasarkan kualitinya tetapi cuma dijual RM3 sahaja, jadi, dengan penjenamaan itu kelak, secara tidak langsung kita dapat meningkatkan martabat durian kampung di samping memberikan keuntungan kepada pemilik atau pekebun," katanya dalam sidang akhbar selepas Pertandingan Durian Kampung Premium Terengganu di Kompleks Pertanian Ajil, di sini, kelmarin.

Dalam pertandingan yang julung kali diadakan itu, johan dinobatkan kepada durian 'mok wok' milik Mohd. Firdaus Long dari Lingai, Kuala Nerus manakala tempat kedua dan ketiga diungguli 'durian hijau' dari Marang.

Azman berkata, pertandingan durian itu akan diteruskan sebagai platform untuk mengangkat martabat durian kampung dengan durian terpilih akan didaftarkan sebagai variasi klon.

Musim durian paling sukar di Perak

PARIT: Peraih durian di sini menyifatkan musim raja buah itu kali ini paling sukar apabila berlaku lambakan menyebabkan ia dijual serendah RM1 sekilogram.

Peraih durian di sekitar Lambor Kiri dekat sini, Riduan Mat Pie, 46, berkata, larangan rentas negeri dan daerah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan Covid-19 menjadi penyebab utama lambakan durian di sini kerana tidak boleh dijual ke luar Perak terutama di Lembah Klang.

Katanya, keadaan itu menyebabkan peraih serta peniaga durian terpaksa menjual pada harga yang rendah selain jualan secara longgok untuk mengelakkan buah tidak terjual.

"Saya menjadi peraih durian sejak 10 tahun dan ini merupakan antara musim yang paling teruk buat kami sebab durian tidak terjual.

"Kali terakhir keadaan sepe-

ti ini ialah sebelum banjir pada tahun 2014 di mana masa itu, kami jual durian RM1 selonggok disebabkan berlaku lambakan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semalam.

Menurutnya, selepas banjir yang melanda kawasan di sini pada tahun 2014, pokok durian di kawasan Lambor Kiri dan Kampung Gajah tidak banyak mengeluarkan hasil.

Katanya, keadaan kembali seperti sedia kala pada 2017 dan selepas itu durian sentiasa habis dijual.

Kata Riduan, baru-baru ini, dia membawa selori durian untuk dijual di Manjung, namun, terpaksa pulang dengan hampa selepas hanya memperoleh RM200 sahaja.

"Kalau jual durian di Perak memang tak boleh sebab banyak lambakan, saya bawa dua tan setengah durian untuk jual di Manjung tapi tak jalan, hanya dapat RM200 sahaja.



RIDUAN Mat Pie (kiri) bersama pekerjanya memunggah durian untuk dijual kepada peraih dari Klang di Lambor Kiri dekat Parit semalam. - UTUSAN/MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID

Nelayan di 6 lokaliti Pulau Pangkor tidak dibenar ke laut

LUMUT - Nelayan di enam lokaliti di Pulau Pangkor yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan turun ke laut untuk menangkap ikan.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner, Nor Omar Sappi berkata, pihaknya akan melakukan kawalan ketat di kawasan itu termasuk mendapatkan bantuan rondaan Pasukan Polis Marin di sepanjang perairan Pangkor.

“Kumpulan nelayan di sini diingatkan supaya tidak curi keluar ke laut untuk menangkap ikan.

“Pemantauan akan dilakukan dan dua bot Polis Marin digerakkan untuk melakukan rondaan secara berkala di laut bagi mengekang jika ada penduduk cuba keluar atau menangkap ikan,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan ke lokasi PKPD di situ pada Isnin.

Enam lokaliti dikenakan PKPD adalah Taman Seri Pangkor, Rumah Murah Pangkor, Ladang Kong Heap Lee, Kampung Tengah, Flat Taman Desa Pangkor dan Taman Desa Pangkor.

Beliau berkata, pelaksanaan PKPD di enam lokaliti itu membabitkan 780 rumah dan 2,252 penduduk dengan 70 peratus daripada mereka adalah nelayan.

Pihaknya sedar pelaksanaan PKPD itu memberi kesan kepada penduduk kerana tidak dapat keluar ke laut, namun mereka diminta bersabar dan memberi kerjasama dalam tempoh itu bagi memutuskan Covid-19.

“Bantuan (makanan) akan disalurkan kepada penduduk dan setakat hari ini tahap pematuhan penduduk adalah baik,” katanya.

Lambakah rambutan

2,000 pekebun rugi RM2.5 juta harga merudum

Kota Bharu: Kira-kira 2,000 pekebun di Tanah Merah dan Jeli berdepan kerugian dianggarkan RM2.5 juta berikutan masalah lambakan rambutan.

Malah, harga borong buah itu dikatakan jatuh mendadak daripada RM3 sekilogram pada awal musim sebelum lalu kepada hanya RM0.40 sekilogram kini.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lanas Jeldok, Tanah Merah, Zulkifli Yusof, berkata pekebun yang terjejas itu membabitkan keluasan tanaman kira-kira 1,000 hektar. Beliau berkata, harga merudum itu menyebabkan pekebun terpaksa menanggung kerugian besar.

"Pekebun sekali gus berasa tidak berbaloi untuk menuai hasil tanaman rambutan masing-masing kerana perlu menampung pelbagai kos berkaitan, termasuk upah pekerja dan sewa pengangkutan.

"Banyak kos perlu ditanggung, sedangkan harga jualan borong hanya 40 sen sekilogram. Justeru, ia tidak menguntungkan.

"Harga jatuh kerana pada musim ini, tanaman rambutan sangat menjadi sehingga buah ter-

lalu banyak di kebun," katanya kepada pemberita pada program sumbangan durian kepada petugas media, di sini.

Beliau berkata, masalah lambakan juga menyebabkan banyak buah rosak kerana tidak boleh disimpan lama.

Pada masa sama, katanya, turut berlaku lambakan manggis yang kini hanya dijual pada harga RM0.30 sekilogram kepada pemborong.

"Justeru, saya memohon pihak berwajib membantu pekebun terjejas dengan mengambil pelbagai langkah proaktif bagi mengatasi lambakan rambutan dan manggis di Tanah Merah serta Jeli.

"Jabatan berkaitan boleh membantu pekebun bukan sahaja dari segi pemasaran, tetapi juga mengurus rambutan dan manggis untuk dijadikan jem serta jus melalui perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Kami tidak ada kemampuan kewangan untuk membantu membeli hasil tanaman daripada pekebun. Namun, kami berusaha menyuarakan masalah itu supaya diambil perhatian oleh pihak berwajib bagi mencari jalan penyelesaian terbaik," katanya.



Zulkifli pada program sumbangan buah-buahan kepada petugas media di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdulliah Nik Omar/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	KOSMO	NEGARA	12

Raja buah di Terengganu berkualiti premium

Jenama semula durian

Oleh NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU – Kerajaan negeri Terengganu berhasrat untuk menjenamakan durian-durian kampung keluaran negeri tersebut yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan nilai komersialnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, inisiatif itu bertujuan untuk meningkatkan nilai durian kampung terbabit agar dapat dipasarkan sesuai dengan kualitinya.

“Terengganu sebenarnya mempunyai banyak durian kampung berkualiti tinggi, namun kurang popular sehingga tidak disedari ramai.

“Penjenamaan semula durian kampung berkualiti premium ini diharap dapat meningkatkan martabat sekali gus memberi keuntungan berganda kepada pengusaha,” katanya ketika ditemui pada pertandingan Durian Kampung Premium peringkat Terengganu di Kompleks Pertanian Ajil di sini semalam.



AZMAN (kiri) bersama sebahagian durian yang memenangi pertandingan Durian Kampung Premium peringkat Terengganu di Kompleks Pertanian Ajil, Hulu Terengganu semalam.

Durian lingai yang ditanam di Kampung Gong Lingai, Kuala Nerus telah dinobatkan sebagai juara sekali gus mengetepikan 39 jenis durian kampung lain pada pertandingan tersebut.

Azman berkata, kebanyakan durian kampung Terengganu yang berkualiti premium

tersebut kini hanya dijual pada harga semurah RM3 sekilogram sedangkan berdasarkan kualitinya, ia layak dijual pada harga RM20 sekilogram.

Durian berkenaan layak didaftarkan sebagai variati klon baharu sebagai nilai tambah terhadapnya,

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/8/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/ KL/ TERENGGANU	26

Durian kampung setaraf musang king tembusi pasaran dunia

HULU TERENGGANU – Durian kampung berkualiti tinggi di Terengganu akan dijenamakan semula bagi mengangkat martabat raja buah itu untuk dikomersialkan setanding musang king.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Azman Ibrahim berkata, pihaknya mengadakan pertandingan bagi mengenal pasti buah durian bertaraf premium untuk menembusi pasaran dunia.

Menurutnya, durian baka terbaik yang terpilih akan didaftarkan Jabatan Pertanian Negeri sebagai variasi baharu menggunakan kod nombor.

“Sebenarnya kita mempunyai banyak durian kampung berkualiti tinggi yang

tidak dikenali ramai. Kalau kita tidak perkenalkan ia akan terus jadi juara hanya di peringkat kampung, oleh itu pertandingan ini adalah tepat untuk kita angkat martabat durian berkualiti ini.

“Ada beberapa variasi durian yang kita kenal pasti dan dengan peningkatan kualiti dan pasaran lebih meluas ini, ia juga mampu memberi pendapatan lumayan buat pekebun-pekebun durian di Terengganu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir meninjau penghakiman Pertandingan Durian Kampung Premium Peringkat Negeri Terengganu yang diadakan di Kompleks Pertanian Ajil di sini pada Ahad.

Hadir sama Pengarah Pertanian Negeri Terengganu,

MUSIM RAJA BUAH

Zulkepli Amin Mat Jusoh@Yusof.

Pada pertandingan itu, durian milik pekebun dari Kuala Nerus diumumkan sebagai johan yang membawa pulang hadiah tunai RM3,000 manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi pekebun dari daerah Marang dengan hadiah RM2,000 dan RM1,000.

Pertandingan itu mendapat penyertaan melibatkan 40 jenis durian dari seluruh daerah di Terengganu dan ia dinilai oleh juri profesional diketuai Pensyarah Pusat Pengurusan Ladang Fakulti Biosumber dan Industri Makanan Universiti Sultan Zainal Abidin, Profesor Dr Jamil Zakaria.



Dr Azman (tengah) menunjukkan durian kampung premium yang dipertandingkan dalam Pertandingan Durian Kampung Premium Peringkat Negeri Terengganu yang diadakan di Kompleks Pertanian Ajil pada Ahad.

Hoping for better days

Businessman waiting for the day crowds return to fish

By NELSON BENJAMIN
nelson@thestar.com.my

KOTA TINGGI: Fishing was just a hobby for businessman V. Sivamani while growing up in a rubber estate in Bahau, Negri Sembilan.

The 48-year-old, who has a diploma in mechanical engineering, never expected that his passion would become a successful venture.

He now has three large freshwater fish ponds on a 5.2ha site here.

Sivamani, whose parents were both rubber tappers, said during fishing competitions his fish ponds would be able to attract more than 200 participants per day.

These anglers are not just from Johor but from around the country and Singapore.

Sivamani has not been able to operate since June due to the pandemic and is now into poultry farming.

He is also growing vegetables such as lemongrass and tapioca, and has to juggle his time between his agriculture venture and running a successful engineering company that provides services to palm oil mills nationwide.

Sivamani, whose life has not been easy, credits his hard work and patience to his wife, who he said was the driving force behind his success.

"I started working to help the family after SPM by doing odd-jobs at a palm oil mill in Negri Sembilan. I was earning RM8.50 per day doing



Resourceful man: Apart from running the freshwater fish pond business, Sivamani is also busy with farming activities on his 5.2ha site in Kota Tinggi.

we just made enough to pay for our workers' salaries and overheads.

"We hardly had anything but we never gave up and our business prospered," he said, adding that two years ago he decided to strike out on his own.

Asked about his fish business, Sivamani, who has a daughter, said that he found out about this land from a friend and decided to lease it five years ago.

"Initially I tried rearing tilapia but this did not work out well and I decided to open it up to anglers," he said.

Sivamani added that the thrill of landing a huge catch was one of the main reasons why many peo-

ple did not mind paying to fish at Romaji Fishing Village.

However, due to the Covid-19 pandemic, he has had to diversify his business.

"My hope is for the government to allow the reopening of fishing ponds soon so that people can relax and take their mind off the stress of being stuck at home due to this pandemic," he said.

He also hoped that the government would relax the rules for engineering firms supporting the oil palm industry.

While he had many orders to fulfil, Sivamani said he was unable to get the job done as many of his suppliers were not allowed to open since June.

AGRICULTURE AND MEDICINE

BIOTECHNOLOGY AIDS PALM OIL

BUSINESSES are shifting to the Fourth Industrial Revolution (IR4.0) technology domain to remain credible and competitive. IR4.0 is not just about automation and robotics. Biotechnology is, in fact, very much part of the industrial revolution equation.

The public is now better acquainted with biotechnology jargon, including polymerase chain reaction and antigen. The development of therapeutic drugs through biotechnology is in the pipeline. The power of biotechnology is real.

Apart from healthcare and medicine, agriculture is gaining from biotechnology not just in addressing crop diseases but also in developing new clones that perform better.

Another branch of biotechnology that has made significant progress in addressing the needs of society and economy is synthetic biology or fermentation engineering. This is where microbes are harnessed to produce many of the products we now produce on land. As land grows more scarce, and land use becomes complicated with the pressures of environmental wellbeing, scientists are turning to different approaches to make agricultural products that alleviate the pressures on the environment, including climate change.

It has been reported widely that the idea to produce meat in the laboratory is a commercial reality. In the United States, a company called Beyond Meat has announced that it has penetrated the beef market there.



A farmer harvesting cucumbers in Feida Kumai, Bera. Biotechnology can help the agriculture sector in addressing crop diseases. FILE PIC

Going by consumer trials, all vouch for the same taste and texture as the land-grown beef. A company in Singapore has also made headway in using microbes in the laboratory to grow poultry meat. The product is already selling and gaining support from consumers.

There is no doubt that this branch of fermentation biotechnology will expand worldwide as its economic and business worth is proven. We will

not be surprised if China, known to pursue biotechnology aggressively, will soon enter the game.

We should not wait much longer to get serious with biotechnology. The new biotechnology policy that is being drawn up should emphasise synthetic biology to support the agricultural sector. Take the palm oil industry, for example. It is under threat from many fronts. Labour is

a serious threat that has a crippling effect on the industry. Land availability, which is capped at 6.5 million hectares, is another threat. The crop's environmental reputation is

not very positive. Now that palm oil is fetching very lucrative pricing at more than RM4,000 per tonne, much of that windfall should be channelled to research and development, particularly biotechnology.

Biotechnologists at the Malaysian Palm Oil Board have proven their

worth in recent years. They have been using the genomics approach to not only select the best planting material, but are also making progress in designing a variety that would yield the right fatty acid mix in the oil, which can cater to different market demands.

Admittedly, palm oil, in its present form, is attractive in many consumer products. It is recognised as a versatile oil. However, there are markets in the temperate and colder regions where palm oil's relatively higher melting point puts it at an disadvantage.

Fortunately, biotechnology can be used to reduce the melting point so that it remains liquid when used in the colder climate.

The labour issue is a more serious threat, though. During the pandemic, as a result of the restricted movement of immigrant labour to work in the oil palm plantations, the industry has lost millions in unharvested fruits.

This is where land-based and labour-intensive agriculture becomes problematic. It is time for the industry to invest more in biotechnology, especially those related to synthetic biology.

Though long term, the success shown in the meat production industry should be encouraging enough to spur the palm oil industry to make the commitment.

PROFESSOR DATUK DR AHMAD IBRAHIM

Ian Sri Omar Centre for STI Policy, UCSI University